



ASIA PACIFIC SMART SCHOOL
PANITIA BAHASA MELAYU

Nama: _____ Kelas: _____ Tarikh: _____

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Gerakan mencari mangsa bot karam itu akan diteruskan _____ pagi esok.
A dari
B sejak
C hingga
D daripada
- 2 Abang Zaki mengambil gambar kami _____ menggunakan kamera Nikon.
A di
B pada
C dengan
D kepada
- 3 Angin Monsun Timur Laut dijangka akan bertiup kencang _____ bahagian utara.
A ke
B di
C pada
D hingga
- 4 Kelawar keluar mencari makanan _____ waktu malam.
A di
B pada
C hingga
D daripada
- 5 Tudung saji itu digantung _____ dinding bersebelahan dengan bilik emak.
A di
B pada
C dalam
D dengan
- 6 Nadia memasukkan sampah _____ dalam tong sampah.
A di
B ke
C pada
D dengan

- 7 Aimee berjalan kaki ke sekolah _____ adiknya, Aina pada setiap pagi.
- A bagi
 - B demi
 - C antara
 - D dengan
- 8 Kak Kiah membuat sebiji kek coklat _____ hari jadi anaknya.
- A bagi
 - B demi
 - C untuk
 - D kepada
- 9 Para remaja dinasihati supaya tidak terpengaruh _____ budaya barat yang tidak bermoral.
- A dengan
 - B terhadap
 - C kepada
 - D Pada
- 10 Encik Amir menjolok buah rambutan yang tinggi itu _____ galah.
- A untuk
 - B pada
 - C dengan
 - D kepada
- 11 Seminar Bahasa Melayu itu telah dihadiri oleh para peserta _____ Sabah dan Sarawak.
- A daripada
 - B hingga
 - C sampai
 - D dari
- 12 Sepasang baju kurung biru itu dibelinya _____ ibu di kampung.
- A akan
 - B untuk
 - C kepada
 - D daripada

- 13 Mereka sedang berbincang _____ kenaikan harga barang-barang keperluan harian.
- A tentang
 - B akan
 - C untuk
 - D sejak
- 14 Mak Cik Mimah termenung sendirian di jendela rumahnya kerana rindu _____ anaknya yang menuntut di Mesir.
- A oleh
 - B akan
 - C dengan
 - D kepada
- 15 Borang cadangan itu hendaklah dimasukkan _____ dalam peti yang berwarna hitam.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D dengan
- 16 Projek perumahan Mega sudah terbengkalai _____ tiga tahun yang lalu.
- A dari
 - B sejak
 - C hingga
 - D sampai
- 17 Menara Berkembar Petronas terdiri _____ dua buah bangunan yang sama bentuknya.
- A dari
 - B pada
 - C dengan
 - D daripada

- 18 Kejayaan kita dalam pelajaran bergantung _____ daya usaha kita sendiri.
- A oleh
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada
- 19 Perompak bank itu menyerah diri _____ pihak polis petang semalam.
- A kepada
 - B dengan
 - C pada
 - D ke
- 20 "Hadiah itu _____ kamu, Zetty, " kata Salina.
- A pada
 - B untuk
 - C dengan
 - D kepada
- 21 Murid-murid Tahun 6 Ceria sedang berkumpul _____ padang sekolah.
- A di
 - B ke
 - C dari
 - D pada
- 22 Tabung uji itu jatuh _____ lantai lalu pecah.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D kepada
- 23 "Kami akan pergi ke rumahnya _____ pukul 4.00 petang," kata Shah kepada Razman.
- A kepada
 - B hingga
 - C pada
 - D di